

## **“Realpolitik” Hubungan Singapura-Amerika Syarikat dalam Konteks Penambakan Wilayah di Singapura**

### **“Realpolitik” of Singapore-United States of America in the Context of Land Reclamation in Singapore**

AKMALHISHAM JASNI, SHARIFAH MUNIRAH ALATAS & SHARIFAH MASTURA SYED ABDULLAH

#### ABSTRAK

*Penambakan wilayah adalah satu teknik yang merujuk kepada kerja-kerja pengorekan pasir di sesuatu lokasi. Kemudiannya pasir berkenaan ditimbus ke lokasi tertentu di pinggir pantai bagi meninggikan aras permukaan dasar laut sehingga menjadi tapak muka bumi yang baru. Di antara negara yang sangat giat melakukan aktiviti penambakan wilayah di rantau Asia Tenggara ialah Singapura. Ini adalah kerana Singapura mempunyai bidang tanah yang kecil, kawasan pantai yang terhad dan mempunyai populasi penduduk yang semakin meningkat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hubungan bilateral antara Singapura dengan Amerika Syarikat, dan mengenalpasti kerjasama militarnya yang berkaitan dengan aktiviti penambakan wilayah di Singapura. Pengumpulan data primer dilaksanakan secara pemerhatian terus di lapangan dan melalui beberapa sesi temubual mendalam. Pengumpulan data sekunder diperolehi daripada pelbagai sumber seperti artikel jurnal tersohor, akhbar, laman internet yang dipercayai dan laporan kerajaan. Kajian ini mendapati bahawa langkah yang diambil oleh Singapura untuk menambak wilayah ini bukanlah disebabkan peningkatan populasi penduduknya semata-mata. Tatkala Amerika Syarikat kelihatan agresif melaksanakan strategi pivot to Asia Pacific, Singapura pula sebenarnya mengalu-alukan kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat ke rantau ini. Justeru kajian ini menyimpulkan bahawa jaringan kerjasama militari Singapura-Amerika Syarikat adalah signifikan di dalam aktiviti penambakan wilayah Singapura di mana ianya memenuhi kepentingan realpolitik Amerika Syarikat di rantau ini.*

*Kata kunci: Hubungan bilateral; penambakan wilayah; populasi; militari; “realpolitik”*

#### ABSTRACT

*Land reclamation is a technique that refers to sand dredging in a given location. The sand is then placed at another location by the shore to elevate the seabed surface level until it transforms into a new landscape. Among the countries that actively embark on land reclamation activities in the South East Asian region is Singapore. This is because Singapore is one of the countries which is deprived of land, has a limited coastline and a rising population. The objectives of this study are to analyze the bilateral relationship between Singapore and the United States of America (US), and to identify military cooperation in relation to Singapore's land reclamation activities. The collection of primary data was done through direct site observation, and the conduct of several interviews. The collection of secondary data was obtained from various sources such as articles from respected journals, newspapers, trusted internet sites and government reports. This study has found that, the steps taken by Singapore to reclaim land are not only because of an increase in population alone. While the US is aggressively establishing the pivot to Asia Pacific strategy, Singapore welcomes the presence of US military power in the region. Therefore, this article concludes that the Singapore-US military partnership is significant in Singapore's land reclamation activities which serve the US's realpolitik intentions in the region.*

*Keywords: Bilateral relations; land reclamation; population; military; “realpolitik”*


## PENGENALAN

Penambakan wilayah adalah satu teknik yang merujuk kepada kerja-kerja mengorek pasir di sesuatu lokasi dan pasir itu kemudiannya ditimbus ke lokasi tertentu di pinggir pantai bagi meninggikan aras permukaan dasar laut sehingga menjadi tapak muka bumi yang baru. Permukaan tapak muka bumi yang baru ditambah ini, pada kebiasaannya akan mencapai tahap ketinggian yang tidak dapat dimasuki semula oleh air laut (Schwartz 2005). Pada waktu ini, terdapat beberapa bahagian di dunia yang telah dan sedang melaksanakan program penambakan wilayah, termasuklah Singapura, Hong Kong dan Macau yang terletak di Asia Tenggara (Glaser, Habertzettl & Walsh 1991). Selain daripada itu, Belanda pula adalah di antara negara yang mempunyai banyak bidang tanah yang diperolehi melalui proses penambakan berskala besar di pinggir pantai negara tersebut. Penambakan wilayah secara besar-besaran dilakukan dengan bukan sekadar mengambil kira aspek kejuruteraan yang terlibat seperti kejuruteraan pinggir pantai, struktur, bahan dan batimetri, tetapi juga aspek perancangan fizikal dan ekonomi di wilayah yang ditambah. Dan negara lain yang juga melaksanakan penambakan wilayah di kawasan-kawasan muara sungai dan kawasan pinggir pantai beraras rendah ialah Jepun, di mana negara ini mempunyai sejarah penambakan wilayah selama lebih kurang 400 tahun.

Seterusnya, di antara negara yang sangat giat melakukan aktiviti penambakan wilayah di rantau Asia Tenggara ialah Singapura. Ini adalah kerana, Singapura merupakan sebuah negara yang mengalami kekurangan bidang tanah dan mempunyai keluasan perairan laut yang terhad. Negara ini berkeluasan 710.2 kilometer persegi dan terletak di selatan Semenanjung Malaysia. Dengan jumlah penduduk keseluruhan yang direkodkan sehingga 2013 adalah seramai 5,399,200

orang, kepadatan populasinya telah mencapai 7,540 perkilometer persegi (Department of Statistics Singapore 2014). Ini bermakna dengan keluasan satu kilometer persegi, terdapat seramai 7,540 orang rakyat Singapura di sesuatu tempat di dalam negara tersebut pada tahun 2013. Di waktu populasi keseluruhan penduduk Singapura diwar-warkan semakin meningkat sehingga melebihi 5 juta orang, kerajaan Singapura menghadapi masalah di dalam menyediakan ruang dan bidang tanah yang mencukupi untuk tujuan penempatan, perumahan, industri dan perbandaran. Masalah yang dialami oleh Singapura ini telah menyebabkan kerajaan Singapura berusaha mencari kaedah, bagaimana mereka boleh memiliki bidang-bidang tanah bagi menampung keperluan penempatan dan perumahan rakyat mereka dan seterusnya menyelesaikan masalah peningkatan kepadatan penduduknya. Satu-satunya pilihan paling praktikal yang dapat mereka lakukan ialah dengan melaksanakan penambakan wilayah di dalam sempadan negara mereka sendiri.

Menurut kajian terdahulu, aktiviti penambakan wilayah di Singapura telah bermula seawal tahun 1950an lagi. Seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1, perbezaan garis pantai akibat aktiviti penambakan di pinggir laut Singapura telah berlaku dengan sangat ketara di antara tempoh sebelum 1950an dengan tempoh selepas 1950an. Untuk tahun-tahun terawal sehingga era 1980an, penambakan wilayah yang dilakukan oleh Singapura hanya tertumpu di selatan negara berkenaan dan tidak membimbangkan Malaysia (Nik Anuar Nik Mahmud et al. 2004). Namun, Malaysia mula memberikan perhatian khusus terhadap perkembangan aktiviti penambakan ini apabila pada tahun 1980 sehingga kini, Singapura telah melebar luaskan kawasan penambakan tersebut ke sekitar Selat Johor yang disifatkan terlalu hampir dengan garis sempadan laut negara Malaysia.



RAJAH 1. Peta garis pantai Singapura sebelum tahun 1950 sehingga kini. Sumber: (Schwartz 2005:791).

Menurut Tommy Koh, seorang profesor undang-undang di Singapura yang terlibat secara langsung di dalam mengendalikan kes bantahan Malaysia terhadap Singapura berhubung kegiatan penambakan wilayah di Tribunal Undang-undang Laut Antarabangsa, disebabkan saiz negara Singapura yang kecil, maka Singapura terpaksa menambak wilayahnya yang bermula semenjak era kolonial lagi (Koh & Jolene 2006). Lantaran itu, Singapura telah melaksanakan penambakan wilayah di pinggir pantai negara mereka selama beberapa dekad dan mendakwa aktiviti penambakan ini dilakukan mengikut peruntukan undang-undang antarabangsa. Beberapa projek penambakan di persisiran pantai yang dirancang dan dilakukan oleh Singapura termasuklah di beberapa buah pulau yang dimilikinya seperti Pulau Ubin, Pulau Jurong dan Pulau Sentosa sehingga ke tahap keluasan kritikal (Finch, MacDonald & Hulme 2000). Penambakan juga giat dilakukan di Pulau Tekong, Tuas dan Changi.

#### KAEDAH KAJIAN

Pada peringkat permulaan, pengumpulan bahan-bahan yang bersifat kualitatif dilakukan melalui pendekatan kepustakaan di premis-premis yang berkaitan seperti Perpustakaan Tun Sri Lanang Universiti Kebangsaan Malaysia (PTSL UKM), Pusat Sumber di Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi (PPSPS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM (FSSK UKM), Perpustakaan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Perpustakaan Wisma Putra di Kementerian Luar Negeri, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) dan Arkib Negara Malaysia (ANM). Lawatan ke premis-premis di Singapura juga dilakukan termasuklah di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) dan Perpustakaan Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Singapura. Senarai perpustakaan dan arkib yang dicadangkan ini telah dikenal pasti mempunyai banyak bahan-bahan sekunder berwasit seperti buku, artikel jurnal, laporan penyelidikan dan tesis yang sangat berkaitan dengan kajian yang dilakukan. Bahan-bahan ini merangkumi sejarah dan latar belakang Singapura, bahan-bahan statistik berkenaan dengan republik Singapura dan dokumen-dokumen dasar negara tersebut. Bahan-bahan sekunder bercetak yang lain seperti akhbar dan majalah juga diambil kira termasuklah pengumpulan maklumat dari laman sesawang yang berkaitan dan memenuhi keperluan kajian ini. Selain daripada itu, pengumpulan maklumat-maklumat dilaksanakan secara pemerhatian terus di lapangan, dan juga beberapa sesi temu bual dengan responden. Di antaranya ialah seramai tujuh orang bekas nelayan di Pengerang, seorang kakitangan konservasi di Taman Negara Tanjung Piai, seorang kakitangan khidmat feri pelancongan di Tanjung Belungkor, setiap orang pegawai pelabuhan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Pasir Gudang

dan Pelabuhan Tanjung Langsat, serta sembilan orang pelancong Singapura yang berada di Malaysia pada ketika itu. Selain daripada itu, temu bual juga dirancang bagi mendapatkan maklumat-maklumat tambahan di kalangan responden terpilih seperti dua orang ahli akademik di NUS dan seramai dua orang di UKM. Dengan adanya usaha pengumpulan maklumat-maklumat ini, adalah dijangkakan, kajian ini berupaya mendapat maklumat-maklumat penting yang tidak diterbitkan oleh mana-mana pihak sebelum ini.

#### KERANGKA TEORI

Kajian ini meneliti secara menyeluruh teori *realism* dan disokong pula oleh teori kelangsungan negara kecil. Di dalam teori *realism*, ianya menyatakan bahawa politik dunia dipandu oleh kepentingan sesebuah negara (Dunne & Schmidt 2011). Teori ini berasaskan kepada kefahaman bahawa negara adalah aktor terpenting dalam sistem antarabangsa, dan semua negara adalah bersifat unitari di mana setiap negara mempunyai kepentingan masing-masing di dalam sistem antarabangsa ini. Sesebuah negara akan berusaha untuk mendapatkan kuasa dan mengimbangi kuasa pihak lain agar kepentingan nasionalnya terpelihara. Maka persaingan bagi mendapatkan kuasa akan berterusan dan menyebabkan persaingan untuk mengekalkan kekuasaan sesebuah negara akan sentiasa berlaku dan menyebabkan banyak negara bersikap mementingkan kepentingan nasional masing-masing (Mearsheimer 1994). Aktor di dalam sesebuah negara akan memerintah dan mentadbir negaranya dengan mengisi kepentingan-kepentingan nasionalnya terlebih dahulu berbanding tindakan memberi bantuan kepada negara jirannya. Aktor ini akan membuat penilaian keseluruhan kepada sesuatu situasi serta mempertimbangkan kebaikan dan keburukan sesuatu keputusan yang akan dipilih agar selari dengan matlamat akhir yang dikehendaki. Seterusnya, negara seperti ini akan memastikan dasar luar yang dirangka, akan memberi tumpuan khusus kepada kepentingan keselamatan negara daripada ancaman dalam dan luar. Justeru, perkara terpenting yang menjadi matlamat akhir sesebuah negara ialah kelangsungan sesebuah negara tersebut di dunia ini. Oleh itu, bagi tujuan menjamin dan mengekalkan kelangsungan sesebuah negara itu, kekuatan militari telah diwujudkan (Mahmud & Kamarulnizam 2001).

Selanjutnya melalui teori kelangsungan negara kecil pula, matlamat utama kelangsungan negara-negara kecil seperti Singapura ini adalah untuk menjamin kedaulatan, autonomi dan kemerdekaannya di dunia yang didominasi oleh negara-negara besar. Salah satu pendekatan berkesan dan paling berjaya sehingga kini ialah penglibatan Singapura bersama-sama kuasa-kuasa besar dunia di dalam organisasi antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan ASEAN.

Tidak ketinggalan juga, Singapura aktif di dalam forum-forum yang mampu menonjolkan keberadaannya sebagai sosok penting kepada sistem politik dunia, umpamanya melalui penganjuran Dialog Shangri-La yang acapkali diadakan bagi membincangkan hal ehwal keselamatan serantau dan dunia.

Kesimpulannya, kajian ini menganalisis kegiatan penambakan wilayah di republik Singapura melalui teori *realism* yang dilihat amat menepati usaha-usaha Singapura untuk mengisi kepentingan dan kelangsungan negara kecil mereka. Ini dimanifestasikan melalui tindak tanduk mereka yang meneruskan kegiatan penambakan wilayah di beberapa bahagian negara itu, tanpa mengendahkan bantahan negara-negara jiran seperti Malaysia dan Indonesia. Seterusnya, berpandukan kepada teori kelangsungan negara kecil, kajian ini mendapati bahawa kerajaan Singapura sangat menyedari limitasi dan cabarannya sebagai sebuah negara kecil di peta dunia. Generasi muda Singapura sering diperingatkan untuk mempertahankan 'nyawa' negara tersebut. Ini kerana kematian sesebuah negara kecil seperti Singapura sangat berkait rapat dengan ketidakstabilan sistem politik, kepimpinan yang tidak kompeten, ataupun akibat kesilapan besar dalam memutuskan sesuatu perkara yang berkaitan dengan dasar luarnya (Maass 2014).

#### LATAR BELAKANG HUBUNGAN SINGAPURA-AMERIKA SYARIKAT

Secara umumnya, Singapura mempunyai hubungan diplomatik yang cukup istimewa dengan Amerika Syarikat. Ianya telah membuka jalan kepada Singapura untuk membina rangkaian kerjasama pertahanan bersama negara yang terkenal dengan kecanggihan dan kemodenan aset ketenteraannya itu. Di dalam masa yang sama, kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat di Singapura khususnya dan di rantau ini amnya, ditakwilkan suatu ketika dahulu sebagai mengimbangi kuasa besar Rusia. Kemudian pada dekad terkini, para sarjana yang mengkaji geopolitik Asia telah menukilkan bahawa, Amerika Syarikat terus berusaha untuk mengekalkan pengaruhnya di rantau ini bagi mengimbangi pula kuasa kebangkitan ekonomi dan militari China (Cox 2012). Apatah lagi, Amerika Syarikat sedar bahawa menjalinkan hubungan yang baik bersama Singapura merupakan suatu langkah yang sangat penting bagi menguasai laluan perdagangan laut di Selat Melaka (Nordin Hussin 2008). Penguasaan laluan laut ini adalah penting untuk menjamin keselamatan pengangkutan bahan-bahan mentah dari kedua-dua belah bahagian timur dan barat dunia.

Hubungan dua hala di antara Singapura dan Amerika Syarikat menjadi renggang dan bermasalah pada 1988 selepas Singapura menuduh Amerika Syarikat mencampuri hal ehwal dalaman negaranya. Singapura

mendakwa bahawa, seorang diplomat kedutaan Amerika Syarikat di Singapura yang bernama Mason Hendrickson cuba merangsang dan mempengaruhi sekumpulan peguam untuk menandingi kerajaan di dalam pilihanraya 1988 negara itu dan mencadangkan agar suatu dana disediakan untuk tujuan tersebut (Crossette 1988). Perkara ini menimbulkan kemarahan kerajaan Singapura sehingga mengakibatkan diplomat berkenaan diarahkan meninggalkan Singapura kerana terlibat secara langsung di dalam pertuduhan itu. Namun begitu, kedutaan Amerika Syarikat telah menafikan tuduhan tersebut. Jurucakap kedutaan Amerika Syarikat menegaskan bahawa, tindakan diplomatnya adalah mengikut lunas-lunas diplomatik yang diamalkan di seluruh dunia, di mana Hendrickson telah melaksanakan tanggungjawabnya sebagaimana yang sepatutnya iaitu mengekalkan hubungan baik bersama pelbagai pihak termasuklah daripada pihak pembangkang di dalam sesebuah kerajaan (Crossette 1988).

Selain daripada itu, Amerika Syarikat juga menentang penggunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) yang digunapakai untuk menahan mana-mana individu yang dianggap membawa ancaman kepada negara, tanpa dibenarkan hak untuk diberikan pembelaan dan keadilan yang sewajarnya. Lee Kuan Yew di dalam kenyataan balasnya mengingatkan Amerika Syarikat supaya tidak mencampuri urusan dalaman Singapura dan tidak membuat sesuatu yang menyebabkan rakyat Singapura boleh hilang keyakinan dan kepercayaan kepada pemimpin negara mereka sendiri (Crossette 1988). Justeru tekanan yang diberikan melalui pergerakan sekumpulan peguam yang menentang dasar kerajaan, ditambahkan pula dengan sokongan daripada seorang diplomat Amerika Syarikat, mewujudkan kebimbangan kepada PAP untuk mengekalkan kuasa pemerintahannya di Singapura.

PAP juga memberikan reaksi yang agak kontroversi berhubung perkara tersebut apabila mendakwa ideologi *Marxism* sedang diserap masuk ke Singapura melalui pihak pembangkang negara itu (Crossette 1988). Kesudahannya, seramai sepuluh orang penyokong pembangkang telah ditahan di bawah ISA kerana dakwaan tersebut. Di antaranya yang ditahan termasuklah tokoh peguam yang terkenal di Singapura iaitu Francis T. Seow. Tuduhan yang dilemparkan kepada beliau ialah mengaturkan pertemuan sekumpulan peguam yang tidak sealiran dengan kerajaan PAP bersama dengan Mason Hendrickson. Bertindak balas terhadap pertuduhan yang disabitkan, beliau telah membawa kesnya ke pengetahuan media antarabangsa, dengan mendakwa pihak kerajaan Singapura telah menyalahgunakan sistem undang-undang apabila membuat penahanan tersebut. Namun demikian, menyedari kebergantungan di antara satu sama lain di dalam memperkukuhkan sektor ekonomi bersama, serta demi keselamatan dan kelangsungan Singapura di rantau ini, kedua-dua belah pihak telah merakamkan konflik tersebut sebagai suatu

sejarah lampau yang membantu di dalam memamatkan hubungan dua hala di antara kedua-dua negara.

Di dalam dekad yang terkini, hubungan Singapura-Amerika Syarikat semakin menunjukkan persefahaman yang erat dan kuat. Hal ini ditunjukkan melalui kebersamaan kedua-dua negara menandatangani dua memorandum persefahaman untuk mewujudkan kerjasama yang kukuh, di samping untuk menjadikan Singapura sebagai pusat akses diplomasi Amerika Syarikat di rantau ini (Matthew 2012). Kepimpinan kerajaan Singapura turut menyokong penuh kependudukan geopolitik Amerika Syarikat ke Asia Tenggara, sebagai mengimbangi kebangkitan kuasa ekonomi dan militari China dari sebelah timur dunia. Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong telah menyatakan di dalam temu bual beliau bersama rangkaian televisyen milik Amerika Syarikat yang termasyhur iaitu *Cable News Network* (CNN) ketika menghadiri Forum Ekonomi Sedunia, bahawa kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini adalah sangat dialu-alukan dan mempunyai manfaatnya yang tersendiri. Malahan ianya akan menjadikan pertembungan China dan Amerika Syarikat di Asia Tenggara bagaikan 'bertemu teras dengan beliung' iaitu berjumpa dengan lawan yang sepadan.

Pertembungan kedua-dua negara kuasa besar ini juga dilihat merancakkan lagi isu keselamatan maritim di rantau Asia, terutamanya di dalam masalah tuntutan wilayah kepulauan Spratly di Laut China Selatan yang melibatkan sebahagian besar negara-negara ASEAN dengan China, dan tuntutan ke atas kepulauan Diayu/Sensaku di antara Jepun dengan China. Amerika Syarikat di dalam isu ini, walaupun bukan terdiri daripada kalangan negara-negara yang menuntut wilayah-wilayah terbabit, telah menegaskan bahawa mereka mempunyai kepentingan sebagai negara pengguna kepada laluan perdagangan di Laut China Selatan dan di Asia Pasifik. Disebabkan demikian, Amerika Syarikat telah berikrar untuk memainkan peranannya bagi melindungi kebebasan dan keselamatan maritim di rantau berkenaan (Jennings 2013). Malah, strategi *pivot to Asia Pacific* telah diperkenalkan oleh Amerika Syarikat bagi mencapai tujuan tersebut (Allison, Blackwill & Wyne 2013). Lee Hsien Loong melalui ucapannya di dalam satu persidangan perdagangan bersama Amerika Syarikat telah mengingatkan, walaupun kata persetujuan agak sukar untuk dicapai di kalangan negara-negara yang terlibat, namun semua pihak harus menyedari bahawa usaha tuntutan masing-masing perlulah diselesaikan secara aman melalui perbincangan yang harmoni dan selari dengan peruntukan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS (Tubezza 2011).

Namun begitu secara tersiratnya, reaksi Amerika Syarikat di dalam konflik tuntutan kepulauan Spratly adalah lebih kepada mengekang kemaraan dan penguasaan China terhadap sumber bumi yang wujud

seperti minyak mentah dan gas asli di Laut China Selatan ini. Peningkatan kemajuan ekonomi dan kuasa militari China yang kini setanding dengan keupayaan yang dimiliki oleh Amerika Syarikat menunjukkan isyarat yang jelas bahawa kemaraan China perlu dihadkan. Perkara ini diperlihatkan oleh China melalui transformasi ekonominya, sehingga berjaya menarik kemasukan pelaburan asing (*Foreign Direct Investment* - FDI) yang tinggi ke negara itu, dan ramalan ekonomi untuk dekad yang mendatang memberikan posisi kepada China untuk menguasai ekonomi global, sekaligus menggantikan dominasi Amerika Syarikat selama ini (The World Bank 2010). Oleh yang demikian, strategi *pivot to Asia Pacific* merupakan strategi terbaru Amerika Syarikat selepas penguasaannya di rantau Asia Tengah, bagi mengekang kebangkitan China dan mencipta alternatif kebergantungan kepadanya oleh negara-negara rantau Asia Pasifik. Melalui strategi ini, Amerika Syarikat berjuang merebut perhatian negara-negara di rantau berkenaan, dan sebagai usaha untuk memadamkan pengaruh China yang semakin mencengkam. Tindakan Amerika Syarikat ini secara tidak langsungnya dimanifestasikan melalui sokongan terbukanya kepada negara-negara seperti Vietnam dan Filipina. Lebih daripada itu, sikap Amerika Syarikat ini juga bertepatan dengan falsafah yang dipelopori oleh Machiavelli iaitu '*A prince, therefore, being compelled knowingly to adopt the beast, ought to choose the fox and the lion; because the lion cannot defend himself against snares and the fox cannot defend himself against wolves. Therefore, it is necessary to be a fox to discover the snares and a lion to terrify the wolves*' (Marriott 1908:83). Justeru penguasaan terhadap negara-negara yang tidak senang dengan tindakan China mesti dilakukan demi mempengaruhi geopolitik di rantau ini.

Selanjutnya, Singapura melalui dasar pertahanannya telah memperkenalkan Konsep Pertahanan Menyeluruh yang merangkumi aspek pertahanan ekonomi, sivil, sosial, psikologi dan militari. Bagi Singapura, keupayaan militari, kekuatan ekonomi dan kesepaduan sivil adalah tunjang utama kepada kelangsungan negara kecil itu. Pada perspektif pertahanan, Singapura sememangnya diketahui umum telah lama mewujudkan kerjasama pembangunan aset dan latihan ketenteraan bersama Amerika Syarikat. Dengan perkembangan geopolitik terkini di rantau tersebut, terutamanya dengan apa yang berlaku di kepulauan Spratly, Singapura telah mula menunjukkan sokongan kuatnya secara terbuka kepada Amerika Syarikat berbanding negara-negara lain di Asia Tenggara (Saravanamuttu 2012). Tatkala kehadiran Amerika Syarikat ke rantau ini dianggap oleh kebanyakan negara Asia sebagai punca kepada ketidakstabilan serantau, Singapura tetap menongkah arus dengan memberikan sokongan padu, dan menjadikan sebahagian wilayah yang ditambaknya sebagai hub angkatan tentera laut dan udara Amerika Syarikat, khususnya di Changi (Hurng-yu & Svensson

2004). Semenjak 1999, pengkalan tentera laut Changi telah digunakan oleh angkatan tentera laut Amerika Syarikat, dengan sekurang-kurangnya terdapat 100 kali persinggahan kapal-kapal perangnya di pengkalan tersebut pada setiap tahun. Singapura menyedari bahawa kehadiran kuasa ekonomi dan militari Amerika Syarikat ke Asia Tenggara khususnya, mampu merangsangkan kestabilan dan pembangunan serantau, serta menjamin berlakunya 'imbangan kuasa' di rantau berkenaan. Justeru demikian, Singapura telah menawarkan banyak kerjasama diplomatik bersama Amerika Syarikat di dalam pelbagai perkara seperti soal keselamatan, militari dan ekonomi, demi memenuhi kepentingan tersendiri negara pulau tersebut.

Sebagai kesimpulan, demi mempertahankan kelangsungannya, Singapura telah memperkukuhkan hubungannya dengan Amerika Syarikat di dalam aspek kerjasama militari. Malah, Singapura sangat menyokong kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat di rantau ini sebagai suatu pendekatan terbaik bagi menghadapi kebangkitan kuasa militari China yang sering kali melakukan provokasi bersenjata terhadap sebahagian negara-negara Asia yang turut menuntut hak masing-masing di kepulauan Spratly di Laut China Selatan.

#### ANGKATAN BERSENJATA SINGAPURA

Semenjak tahun 1960an lagi, kerajaan Singapura sangat aktif memberi sokongan kepada tentera Amerika Syarikat yang sedang memerangi Vietnam pada ketika itu. Sokongan yang kuat berterusan sehingga ke hari ini, dan telah mencipta persepsi bahawa Singapura merupakan proksi utama Amerika Syarikat di rantau ini. Terkini, Amerika Syarikat telah menghantar sebanyak empat buah kapal perangnya ke Singapura sebagai sebahagian daripada misi penting Pentagon untuk mewujudkan keseimbangan semula Asia Pasifik (U.S. Department of Defense 2012). Kecenderungan Singapura terhadap Amerika Syarikat ini menimbulkan dilema kepada kerajaan Singapura sendiri kerana sebagai sebuah negara kecil yang tersepit di tengah-tengah negara yang lebih besar dan didominasi oleh bangsa Melayu dan Indochina, segala tindak tanduk Singapura mendatangkan keraguan dan kekhawatiran kepada negara-negara jirannya.

Walau demikian, kerajaan Singapura yang diterajui oleh Perdana Menteri Lee Kuan Yew, bersama-sama Menteri Luar Singapura S. Rajaratnam dan Menteri Pertahanan Goh Keng Swee, melihat pendekatan terbaik untuk menjamin kelangsungan Singapura ialah dengan mencegah kuasa dominan di rantau ini. Justeru, mengadakan hubungan bersama Amerika Syarikat, dan menjadikan sebahagian wilayah negaranya sebagai pengkalan tentera Amerika Syarikat akan menetralkan dominasi ideologi komunisma yang dipelopori oleh China. Begitu juga menurut pandangan mereka,

negara-negara jiran yang dibayangi sebagai gugusan kepulauan nusantara Melayu, serta tidak senang dengan dasar luarnya yang sangat terbuka terhadap Amerika Syarikat, tidak akan bertindak sewenang-wenangnya kerana kuasa luar telah bertapak di Singapura (Hinata-Yamaguchi 2012). Oleh hal yang demikian, strategi Singapura yang bergantung kepada kekuatan politik dan militari pihak negara luar, khususnya Amerika Syarikat dapat menampung limitasi pengaruh diplomatik dan keupayaan militarnya pada peringkat awal penubuhan Singapura. Jaringan pertahanan ini kemudiannya diperkembangkan ke Australia, New Zealand, Perancis, India, Thailand dan Brunei. Setelah kepimpinan yang menerajui pentadbiran Singapura bertukar tangan, strategi yang ampuh ini tetap terus diperkemas, sehinggakan agenda tersirat di dalam pembangunan negara seperti penambakan wilayah, sebenarnya mempunyai kepentingan yang berkait rapat dengan Amerika Syarikat.

Dasar keselamatan dan pertahanan Singapura telah dibentuk berdasarkan sejarah dan situasi penyingkirannya dari Malaysia, serta peranan negara-negara luar terutamanya Amerika Syarikat dan Israel yang merupakan sekutu pertahanan utama Singapura semenjak dahulu sehingga kini. Salah satu tumpuan utama kerajaan Singapura setelah memperolehi kemerdekaan dari Malaysia ialah membangunkan angkatan pertahanan negara (Huxley 2013). Pembinaan ini terpaksa dilakukan bermula daripada langkah yang pertama iaitu melalui sistem kerahan terhadap warganya supaya menganggotai angkatan pertahanan Singapura pada peringkat awal penubuhannya, memandangkan terdapatnya limitasi yang sangat sukar dielakkan iaitu jumlah populasi penduduk Singapura yang terlalu sedikit pada waktu itu. Sehingga ke hari ini, sistem kerahan ini masih diteruskan sebagai tulang belakang kepada Angkatan Bersenjata Singapura (Singapore Armed Forces-SAF), dengan kewujudan program khidmat negara. Melalui program khidmat negara ini, sekumpulan tenaga militari boleh dimobilisasikan pada bila-bila masa sahaja ketika kecemasan. Pada masa bukan kecemasan, anggota kumpulan khidmat negara ini akan meneruskan kehidupan masing-masing sebagai warga biasa Singapura.

Selanjutnya, bertitik tolak kepada dasar luar dan pertahanannya yang mesra Israel, maka hubungan Singapura-Malaysia menjadi tegang, apatah lagi ekoran lawatan Presiden Israel Chaim Herzog ke Singapura pada tahun 1986 yang lalu. Lawatan itu pula kebetulannya seiring dengan isu dasar Singapura yang tidak memberikan ruang kepada warga Singapura yang berbangsa Melayu untuk berkhidmat di posisi yang disifatkan sebagai sensitif di dalam SAF seperti juruterbang pesawat tempur dan pengendali kereta kebal. Ini adalah kerana menurut pihak berkuasa pertahanan Singapura, warga Melayu Singapura mungkin cenderung untuk merubah taat kesetiannya

kepada negara jika berlakunya konflik yang menyentuh emosi dan sensitiviti kaum serta agama mereka. Namun mutakhir ini terdapatnya perbahasan yang merumuskan bahawa dasar-dasar ini telah lapuk dan memerlukan kepada penilaian semula. Di antara salah satu perkara yang diperbahaskan ialah perlukah Singapura terus mengekalkan Israel sebagai rujukan pertahanannya pada masa kini, tatkala Israel dengan fahaman zionismanya telah menyemarakkan rasa benci dunia Islam kepada Israel, dan menjadi kebimbangan besar jika reaksi ini turut mengheret Singapura ke kancah yang sama. Lee Kuan Yew pada tahun 1960an dahulu melihat Israel sebagai kembar Singapura yang mempunyai sebahagian persamaan tertentu seperti sebagai sebuah negara kecil yang terkepung di tengah-tengah kejiranan Muslim yang tidak mesra kepada mereka (Lee 2000).

Justeru dengan menilai semula impak geopolitik Singapura di dalam aspek pertahanan dan keselamatan, sewajarnya pada masa kini hubungan kontroversi Singapura-Israel ditamatkan agar Singapura tidak menjadi sasaran ganti kepada Israel, ketika kumpulan pengganas bertekad mencetuskan huru-hara sebagai reaksi balas kepada kezaliman Israel di Palestin. Perkara kedua yang juga patut diberikan perhatian oleh kerajaan Singapura ialah di dalam konteks diplomasi Singapura di peringkat antarabangsa, khususnya mengurangkan sokongannya kepada Amerika Syarikat dan Israel pada tahap yang sewajarnya, terutamanya di dalam isu-isu sensitif yang berkaitan dengan perkauman dan keagamaan. Contoh terdekat yang sudah tentu menarik perhatian dunia Islam dan negara-negara lain untuk berterusan meragui Singapura ialah apabila Singapura satu-satunya negara dari kalangan negara-negara Asia Tenggara yang telah bertindak tidak mengundi untuk menyokong status kemasukan Palestin ke dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) (Ministry of Foreign Affairs Singapore 2012). Kesannya, sudah tentu Singapura termasuk di dalam senarai dendam kesumat kumpulan-kumpulan pengganas yang sedang merancang keganasan sebagaimana yang telah dilakukan oleh kumpulan ini kepada Amerika Syarikat.

Pada masa yang sama, konfrontasi Amerika Syarikat-China memungkinan Asia Tenggara terbahagi kepada dua kem sokongan; negara-negara yang menyokong Amerika Syarikat dan yang menyokong China. Perpecahan ini merupakan suatu kesulitan besar bagi Singapura yang juga telah membina hubungan yang baik bersama China, terutamanya di dalam aspek hubungan ekonomi kedua-dua negara. Walaupun amat jelas Singapura menyokong Amerika Syarikat di dalam kebanyakan isu-isu antarabangsa mutakhir ini, tetapi demi kepentingan politik domestiknya maka Singapura kelihatan berhati-hati untuk bertahan demi Amerika Syarikat, jika krisis kedua-dua negara besar dunia

berkecenderungan semakin meruncing. Bagaimana sekiranya Amerika Syarikat mahu menggunakan pengkalan tenteranya di Singapura sebagai hub serantau untuk memerangi China di dalam usahanya mempertahankan Taiwan? Situasi genting sedemikian harus diteliti dengan cermat oleh para politikus dan diplomat Singapura agar dunia melihat mereka berupaya bersikap neutral di dalam pertembungan tersebut. Penelitian ini diperkuatkan lagi dengan faktor imigran China yang menyumbang kepada pembentukan populasi etnik berbangsa Cina di Singapura sehingga mencapai lebih kurang 75 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi di negara itu (Huxley 2013). Secara tuntas, sokongan menyeluruh Singapura kepada Amerika Syarikat sebagaimana beberapa dekad lampau telah sedikit sebanyak berubah. Dengan pengaruh politik dan kuasa militari China yang semakin mengukuh, Singapura sudah pasti membuat keputusan untuk menilai semula dasar luarnya agar matlamat utama iaitu kelangsungan Singapura terus dipertahankan.

Berkait rapat dengan perkara ini juga, menurut Tim Huxley yang merupakan seorang akademia tersohor di dalam kajian keselamatan Asia Tenggara, SAF mempunyai keupayaan untuk menewaskan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) jika peperangan di antara Singapura dengan Malaysia tercetus (Huxley 2001). Pendapatnya yang dimuatkan di dalam sebuah buku yang bertajuk *Defending Lion City: The Armed Forces of Singapore* telah menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua negara yang berjiran ini. Beliau memberikan hujah bahawa, ketidakpersetujuan diplomatik yang berpanjangan di dalam isu bekalan air dan beberapa isu diplomatik lain yang masih belum menemui noktah penyelesaiannya, boleh mengheret kedua-dua negara ke kancah peperangan (Huxley 2001:24). Natijah daripada tulisan tersebut telah menyebabkan peperangan media berlaku di antara kedua-dua belah pihak. Malaysia menolak analisis pakar tersebut yang disifatkan oleh Menteri Pertahanannya waktu itu, Datuk Seri Najib Abdul Razak sebagai tidak berpijak pada bumi yang nyata, kerana perbandingan sistem pertahanan kedua-dua negara yang berjiran itu tidak dibuat secara menyeluruh, dan hanya berpaksikan keupayaan aset semata-mata, serta tidak mengambil kira kemahiran dan pengalaman ATM yang terbukti tidak pernah kalah di dalam sejarah perjuangannya menentang musuh-musuh negara ketika era penjajahan komunis dahulu. Walaubagaimanapun, di atas kesedaran dan kewarasan politik yang tinggi daripada Dr. Mahathir yang ketika itu masih lagi menjawat jawatan sebagai Perdana Menteri Malaysia pada tahun 2003, maka isu peperangan Singapura-Malaysia tidak diagendakan sebagai isu yang besar, dan ianya ditutup dengan cara tidak melayan provokasi Lee Kuan Yew (Agence France Presse 2003).

## KERJASAMA MILITARI SINGAPURA-AMERIKA SYARIKAT

Teori politik antarabangsa yang dipelopori oleh Waltz telah merungkaikan bahawa kewujudan negara-negara yang besar dan berkuasa, merupakan satu ancaman kepada negara-negara yang kecil dan lemah (Waltz 2010). Justeru negara-negara yang kecil dan lemah ini perlu mengimbangi situasi ini dengan persediaan sistem pertahanan yang ampuh dan membentuk jaringan kerjasama pertahanan bersama negara-negara yang lebih kuat. Sebagai pemimpin politik yang berfahaman *realist*, Lee Kuan Yew sangat menyedari bahawa Singapura hanya dapat meneruskan kelangsungan dan kewujudannya jika sekiranya Singapura mempunyai kekuatan militari yang setanding dengan negara-negara yang lebih besar. Dengan kekuatan militari ini, walaupun Singapura hanyalah sebuah negara yang kecil di peta dunia, tetapi ia mampu menagih kehormatan dari negara-negara luar yang lebih besar daripadanya. Apatah lagi, sebahagian daripada strategi dan *realpolitik* penambakan wilayahnya dipercayai untuk menjemput kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat supaya berpangkalan di Singapura.

Tambahan pula, perkara ini selaras dengan tindakan tersirat Singapura yang melakukan penambakan wilayah di Pulau Tekong, dengan mengambil pengajaran daripada peperangan Iraq-Kuwait yang pernah tercetus pada tahun 1991, yang menyimpulkan bahawa dua negara berjiran juga boleh menjadi seteru sehingga berlakunya peperangan (Kamarulnizam Abdullah 2004). Oleh itu, tindakan kerajaan Singapura yang menambak Pulau Tekong, bukan sahaja bertujuan untuk menjadikan pulau tersebut sebagai tapak latihan bagi merekrut angkatan bersenjata, tetapi juga disifatkan sebagai pengkalan hadapannya bagi menghadapi sebarang ancaman dari Malaysia yang telah terlebih dahulu mempunyai pengkalan laut Pularek yang berhampiran garis sempadan kedua-dua negara (Dewan Rakyat Malaysia 2002).

Tidak diragui bahawa SAF mempunyai teknologi persenjataan termaju berbanding negara-negara lain di rantau Asia Tenggara ini. Keupayaan ini terbukti dengan pelancaran program *Command, Control, Communications, Computers and Intelligence Community* sebagai satu lagi lonjakan kepada projek generasi ketiga pemodenan aset ketenteraannya (Hinata-Yamaguchi 2012). Melalui program ini, Kementerian Pertahanan Singapura telah membuat beberapa perolehan aset penting, yang merangkumi komponen persenjataan darat, laut dan udara. Dengan merujuk kepada dokumen *Military Balance in Southeast Asia* yang diterbitkan pada 2011 yang lalu, SAF direkodkan mempunyai inventori aset pertahanan yang paling ampuh berbanding negara-negara lain di rantau ini, ekoran bajet pertahanannya yang semakin menokok saban tahun (Taylor & Rutherford 2011).

Namun demikian, Singapura perlu memberikan tumpuan kepada bagaimana keupayaan militarnya akan digunakan, bukannya sekadar menilai keupayaan tersebut di dalam aspek apa lagi yang diperlukan untuk Singapura. Sekiranya penilaian ini tidak diendahkan, maka perancangan pertahanan Singapura hanyalah semata-mata mengejar kemodenan teknologi yang semakin mahal dan merencatkan ekonominya, sehingga menimbulkan konflik kerajaan-rakyat, di mana rakyatnya jelas kian terhimpit dengan kos sara hidup yang sangat tinggi di negara itu.

Amerika Syarikat yang sebelum ini mempunyai jaringan kerjasama pertahanan bersama Thailand dan Filipina, seterusnya mengeksplorasi jaringan kerjasama pertahanan yang lebih kukuh bersama Singapura, dan mencuba kemungkinan membina hubungan di atas tujuan yang serupa bersama Malaysia, Indonesia dan Brunei. Bagi Amerika Syarikat, pengkalan militari di luar negara adalah sangat penting untuk menunjukkan kehadiran pengaruhnya. Ianya juga menunjukkan penerimaan negara hos terhadap kuasa Amerika Syarikat. Daripada aspek pertahanan pula, pengkalan militari ini bertindak sebagai platform untuk memantau anasir-anasir keganasan dan melebar luaskan pengaruh politiknya. Oleh itu, tujuan kepada kewujudan pengkalan militari di luar negara ini boleh diulas untuk mengenalpasti hasrat sebenar Amerika Syarikat di dalam merangka dasar keselamatannya (Calder 2007).

Selain daripada itu, Amerika Syarikat juga berjaya mewujudkan jaringan diplomatik pertahanannya bersama Australia dan Jepun. Terbaru, pentadbiran Presiden Barrack Obama telah mengumumkan rancangan untuk menempatkan 2,500 orang angkatan tenteranya di Darwin, Australia pada tahun 2016-2017 akan datang (Hagel 2014). Buat masa ini, dianggarkan seramai 70,000 orang anggota tenteranya telah berada di Jepun dan Korea Selatan. Langkah-langkah ini adalah sangat penting kepada akses kehadirannya di Asia Tenggara dan Asia Pasifik, supaya matlamat untuk mengimbangi ledakan kuasa politik dan militari China dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tatkala Singapura juga melihat akan kebangkitan China di rantau ini pada perspektif yang sama sebagaimana Amerika Syarikat, Lee Kuan Yew telah menyatakan bahawa Singapura bersedia untuk menjadi hos kepada kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat di rantau ini. Kenyataannya pada Ogos 1989 itu telah menimbulkan kegusaran kepada negara-negara anggota ASEAN termasuklah Malaysia. Namun Singapura menjelaskan yang komitmen tersebut dibuat berikutan persetujuan bersama kedua-dua negara berkenaan, apatah lagi sememangnya Pengkalan Udara Payar Lebar milik Singapura juga telah digunakan oleh Amerika Syarikat sebelum ini.

Kenyataan bersama Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Leon Panetta dan Menteri Pertahanan Singapura, Dr. Ng Eng Hen ketika bertemu di dalam satu majlis diplomatik, telah mengisyaratkan jaringan



kerjasama yang semakin kukuh dan padu di antara kedua-dua buah negara (U.S. Department of Defense 2012). Menurut Dr. Ng, kehadiran Amerika Syarikat secara berterusan akan merangsang kestabilan dan kemajuan rantau ini. Perkara ini sebenarnya telah pun dibuktikan melalui pengisytiharan rasmi dokumen *The Strategic Framework Agreement for a Closer Cooperation Partnership in Defence and Security* (SFA). Ianya ditandatangani oleh Perdana Menteri Singapura, Lee Hsien Loong dan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush pada tahun 2005 yang lalu. Melalui SFA ini, kedua-dua pihak akan memperluaskan skop kerjasama mereka merangkumi latihan, dialog, teknologi pertahanan dan anti keganasan. SFA yang dibentuk ini adalah berasaskan memorandum persefahaman yang pernah dimeterai pada tahun 1990, yang mengkhususkan akses kepada pelbagai kemudahan pertahanan di Singapura oleh angkatan tentera Amerika Syarikat, serta sebagai lonjakan dan sokongan padu Singapura terhadap kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara ini (Ministry of Defence Singapore 2005). Malahan lebih daripada itu, Singapura juga telah membina pengkalan laut dalam di Changi sebagai persediaan bagi membolehkan pihak angkatan tentera laut Amerika Syarikat mengoperasikan kapal pengangkut pesawatnya di Singapura. Setelah ianya siap dibina, kapal pengangkut pesawat Kitty Hawk telah berlabuh di Pengkalan Laut Changi yang dibina khas ini, di mana kos keseluruhan pembinaannya ditanggung oleh Singapura (Global Security.org 2011).

Walaupun hubungan dan kerjasama Singapura-Amerika Syarikat di dalam konteks membangunkan keupayaan pertahanan bersama begitu erat, Singapura seharusnya perlu mengenalpasti batasan tersebut. Hal ini sebenarnya bersangkutan dengan komitmen *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) yang masih lagi berpaksikan kepada deklarasi *Zone of Peace, Freedom and Neutrality* (ZOPFAN), dan menekankan bahawa rantau Asia Tenggara harus terus aman, bebas dan berkecuali daripada anasir-anasir kuasa besar dunia. Strategi *pivot to Asia Pacific* oleh Amerika Syarikat telah mewujudkan pertembungan kuasa politiknya berhadapan dengan kebangkitan China, dan masing-masing berusaha menguasai Laut China Selatan yang sangat strategik ini. Sebarang pertembungan yang berlaku pasti membawa kesan kepada ASEAN, dan berupaya menjejaskan kestabilan geopolitik serantau. Justeru Singapura harus mempunyai ketetapan yang lebih jelas terhadap isu kehadiran Amerika Syarikat di rantau ini. Permuafakatan yang harus dipegang bersama ialah, walaupun negara-negara anggota ASEAN mempunyai jaringan kerjasama militari bersama Amerika Syarikat, namun ini bukan bermakna ASEAN bersetuju penglibatan mana-mana negara kuasa besar untuk mempertaruhkan keselamatan serantau bagi kepentingan sebelah pihak sahaja.

## KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan akhir, artikel ini telah membincang dan merumuskan bahawa salah satu *realpolitik* penambahan wilayah Singapura adalah berkait rapat dengan strategi dan pertahanan Singapura, serta militarnya. Kajian ini mendapati Singapura melakukan *hedging* yang sangat jelas di dalam hubungannya bersama Amerika Syarikat, Israel dan beberapa buah negara yang lain. Perkara ini dimanifestasikan melalui penyediaan dana bagi meneruskan kerjasama pertahanan bersama Israel yang akan melakukan perpindahan teknologi pertahanannya kepada Singapura (Stewart 2000). Selain daripada itu, Singapura telah banyak membuat pembelian aset-aset pertahanan yang sangat mengujakan negara-negara pengeluar seperti Amerika Syarikat, Britain dan Perancis, namun kebanyakan aset-aset ini disimpan di pengkalan tentera luar negara, yang sebahagian besarnya adalah negara-negara pengeluar itu sendiri. Singapura juga mewujudkan beberapa memorandum persefahaman bersama negara-negara sekutu rapatnya seperti Amerika Syarikat, Australia dan Perancis yang membenarkan pengkalan dan ruang udara mereka digunakan oleh SAF. Oleh yang demikian, melalui strategi ini Singapura dapat melindungi warganya, kedutaan dan aset-aset pentingnya termasuklah aset pertahanan di pengkalan tentera luar negara daripada sebarang ancaman penganas dan musuh negara.

Akhir sekali, melalui memorandum persefahaman yang dirangka untuk memperkukuhkan jaringan kerjasama militari Singapura bersama Amerika Syarikat, ianya telah memberikan ruang yang sangat strategik kepada Amerika Syarikat untuk bertapak selesa di rantau ini. Apatah lagi, Singapura sendiri berpendirian untuk menolak dan mencegah kuasa dominan China yang semakin berkembang di Asia Pasifik. Justeru kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat yang menggunakan pelbagai kemudahan darat, udara dan air di Singapura adalah sangat dialu-alukan, dengan sebahagian besar ruang-ruang itu merupakan wilayah-wilayah yang telah ditambah untuk tujuan tersebut. Amerika Syarikat pula sangat berbesar hati memenuhi permintaan Singapura untuk menggunakan ruang wilayahnya, apatah lagi dengan penutupan pengkalan militarnya di Filipina, Singapura adalah suatu lokasi yang amat strategik bagi Amerika Syarikat menjayakan strategi *pivot to Asia Pacific*, sebagaimana yang dilontarkan oleh pentadbiran Presiden Obama.

Pada sudut yang lain, kebangkitan China di dalam aspek militarnya bukan sekadar membimbangkan Amerika Syarikat, tetapi juga negara-negara yang terletak di rantau Asia Pasifik ini. Hal ini membolehkan Amerika Syarikat mengambil peluang untuk menghulurkan jaringan kerjasama militari bersama negara-negara terbabit, bahkan ada di antara negara-negara tersebut yang mengalu-alukan kehadiran kuasa militari Amerika Syarikat di negara masing-masing.

Untuk itu, Amerika Syarikat juga mengharapkan akan berlakunya faktor-faktor yang menyebabkan negara-negara yang masih belum lagi menerima kehadiran kuasa militarnya seperti Malaysia dan Brunei untuk menyambutnya pada masa akan datang.

## RUJUKAN

- Agence France Presse*. 2003. Malaysia Will Not Go to War with Singapore: Mahathir, 30 January.
- Allison, G., Blackwill, R. and Wyne, A. 2013. Singapore's Lee Kuan Yew Talks America's Strengths And Weaknesses. *Forbes*. 13 February. <http://www.forbes.com/sites/realspin/2013/02/13/singapores-lee-kuan-yew-talks-americas-strangths-and-weaknesses/>. Retrieved on: 25<sup>th</sup> April 2013.
- Calder, K. E. 2007. *Embattled Garrisons: Comparative Base Politics and American Globalism*. Princeton: Princeton University Press.
- Cox, M. 2012. *Indispensable Nation? The United States in East Asia*. SR015: 9-15. London: LSE IDEAS Report.
- Crossette, B. 1988. Singapore Asks Removal of U.S. Envoy. *New York Times*, 8 May. [www.nytimes.com/1988/05/08/world/singapore-asks-removal-of-us-envoy.html](http://www.nytimes.com/1988/05/08/world/singapore-asks-removal-of-us-envoy.html). Retrieved on: 22<sup>nd</sup> May 2014.
- Department of Statistics Singapore. 2014. *Population Trends 2014*. Singapore: Ministry of Trade and Industry.
- Dewan Rakyat Malaysia. 2002. *Jawapan-Jawapan Lisan Bagi Pertanyaan-Pertanyaan. Penyata Rasmi Dewan Rakyat*. Parlimen Sepuluh Penggal Empat.
- Dunne, T., and Schmidt, B., C. 2011. *Theories of World Politics*. In *The Globalization of World Politics*, ed. Baylis, J., Smith, S., and Owens, 84–99. Oxford University Press.
- Finch, A., MacDonald, M. and Hulme, T. 2000. Singapore - Past, Present and Future. *Tunnels and Tunnelling International* 32 (3): 26–28.
- Glaser, R., Haberzettl, P. and Walsh, R. P. D. 1991. Land Reclamation in Singapore, Hong Kong and Macau. *GeoJournal* 24 (4): 365–373.
- Global Security.org. 2011. Singapore Changi Naval Base. <http://www.globalsecurity.org/military/facility/singapore.htm>. Retrieved on: 14 July 2014.
- Hagel, C. 2014. *The United States' Contribution to Regional Stability*. The IISS Shangri-La Dialogue. 14<sup>th</sup> Asia Security Summit. London: IISS.
- Hinata-Yamaguchi, R. 2012. Singapore's Military Modernization. *The Diplomat*. 27 April. <http://thediplomat.com/2012/04/singapores-military-modernization/>. Retrieved on: 11<sup>th</sup> June 2014.
- Hung-yu, C. and Svensson, P. 2004. Singapore Has Betrayed Taiwan. *Singapore Windows*. 6 October. <http://www.singapore-window.org/sw04/041006tt.htm>. Retrieved on: 9<sup>th</sup> April 2013.
- Huxley, T. 2001. *Defending the Lion City: The Armed Forces of Singapore*. Australia: Allen & Unwin.
- Huxley, T. 2013. *Singapore and the US: Not Quite Allies*. Australian Strategic Policy Institute.
- Jennings, P. 2013. *Singapore and the US: An 'extraordinary Relationship' Gets Closer*. Australia: Australian Strategic Policy Institute.
- Kamarulnizam Abdullah. 2004. Strategi Cegah Rintangan Singapura Dan Realitinya Kepada Malaysia. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*: 63–85.
- Koh, T. and Jolene L. 2006. The Land Reclamation Case: Thoughts and Reflections. *Singapore Year Book of International Law and Contributors (SYBIL)* X (10) (October 27): 1–7. doi:10.1126/science.202.4366.409. <http://www.pubmedcentral.nih.gov/articlerender.fcgi?artid=3160768&tool=pmcentrez&rendertype=abstract>.
- Lee K., Y. 2000. *From Third World to First: The Singapore Story 1965 - 2000*. New York: Harper.
- Maass, M. 2014. Small States: Survival and Proliferation. *International Politics* 51: 709–728.
- Mahmud Embong, and Kamarulnizam Abdullah. 2001. *Pengenalan Pengajian Strategik: Teknologi Ketenteraan Dan Hubungan Antarabangsa*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Marriott, W. K. 1908. *The Prince: Nicolo Machiavelli (1515)*. South Australia: The University of Adelaide Library.
- Matthew, D. 2012. Singapore Eyes U. S. Balance. *The Diplomat*. 14 February. <http://thediplomat.com/2012/02/singapore-eyes-u-s-balance/>. Retrieved on 15<sup>th</sup> June 2014.
- Mearsheimer, J. J. 1994. The False Promise of International Institutions. *International Security* 19 (3): 5–49.
- Ministry of Defence Singapore. 2005. *Factsheet - The Strategic Framework Agreement*. Singapore Government.
- Ministry of Foreign Affairs Singapore. 2012. *SMS Masagos Zulkifli Clarifies Singapore's Abstention on UN Resolution to Grant Non-Member Observer State to Palestine*. Singapore Government.
- Nik Anuar Nik Mahmud, Mohd Fuad Jali, and Mohammad Agus Yusoff. 2004. *Penambakan Laut Oleh Singapura Dan Kesannya Ke Atas Sempadan Wilayah Dan Sosio Ekonomi Malaysia, Laporan Akhir Penyelidikan SK0052002*. UKM.
- Nordin Hussin. 2008. Geografi Dan Perdagangan: Kepentingan Selat Melaka Kepada Perdagangan Dunia, Asia Dan Dunia Melayu 1700 - 1800. *Akademika* 73 (Mei): 3–26.
- Saravanamuttu, J. 2012. *Malaysia in the New Geopolitics of Southeast Asia*. SR015: 47-52. London: LSE IDEAS Report
- Schwartz, M., L. 2005. *Encyclopedia of Coastal Sciences*. The Netherlands: Springer.

- Stewart, I. 2000. *Singapore's Spy Satellite Deal Adds to Tensions*. South China Morning Post. 27 July.
- Taylor, C. and Rutherford, T. 2011. *Military Balance in Southeast Asia*. London: House of Commons Library.
- The World Bank. 2010. U.S. Receives More Foreign Investment Than China. <http://www.heritage.org/multimedia/infographic/2011/11/us-receives-more-foreign-investment-than-china>. Retrieved on: 8<sup>th</sup> September 2013.
- Tubeza, P. 2011. Singapore Calls for Peaceful Spratlys Resolution, Joint Use of Resources. *Philippine Daily Inquirer*. 10 March. [http://www.smu.edu.sg/sites/default/files/smu/news\\_room/smu\\_in\\_the\\_news/2011/sources/PDI\\_20110310\\_1.pdf](http://www.smu.edu.sg/sites/default/files/smu/news_room/smu_in_the_news/2011/sources/PDI_20110310_1.pdf). Retrieved on 27<sup>th</sup> August 2013.
- U.S. Department of Defense. 2012. *Joint Statement from Secretary Panetta and Singapore Minister for Defence Ng*. Singapore Government.
- Waltz, K., N. 2010. *Theory of International Politics*. Illinois: Waveland Pr Inc.

Sharifah Munirah Alatas  
Pusat Pengajian Sejarah  
Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
E-mail: [alatas@ukm.edu.my](mailto:alatas@ukm.edu.my)

Sharifah Mastura Syed Abdullah  
Institut Perubahan Iklim  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
E-mail: [smsa@ukm.edu.my](mailto:smsa@ukm.edu.my)

Received: 1 October 2014  
Accepted: 14 August 2015

Akmalhisham Jasni (corresponding author)  
Pusat Pengajian Sejarah  
Politik dan Strategi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
E-mail: [akmal\\_rs@yahoo.com](mailto:akmal_rs@yahoo.com)

